

Jangan perlekeh sistem pendidikan negara – Idris Jusoh

BESUT 6 Jan. – Kementerian Pendidikan Tinggi menafikan 'membayar' badan penarafan antara-bangsa, Universitas 21 (U21) bagi mengatur kedudukan universiti negara di ranking ke-25 dunia sebagaimana didakwa segelintir pihak.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kejayaan bidang pendidikan tinggi tempatan tidak wajar diperlekehkan dengan alasan yang sengaja direka sematamata untuk memburukkan imej negara yang begitu komited membangunkan rakyat.

“Jika sedemikian rupa, bagaimana pula dengan kedudukan dan pencapaian yang diperolehi 10 universiti terbaik di dunia? Apakah kejayaan itu juga dibayar oleh Universiti Cambridge atau universiti-universiti lain yang disenaraikan?”

“Peningkatan 11 anak tangga itu membuktikan kerajaan amat komited dalam membangunkan pendidikan tinggi dan pencapaian kita mengejutkan banyak pihak tetapi tidak disenangi oleh segelintir mereka yang sentiasa memandang negatif,” tegasnya.

Beliau berkata demikian ke-



IDRIS JUSOH (dua dari kiri) bersama Wan Rosliza Wan Nawawi (tiga dari kanan) menunjukkan isyarat bagus di hadapan rumah Komuniti Ke-174 selepas majlis penyerahannya di Kampung Tok Has, Besut, Terengganu, semalam. – MINGGUAN/KAMARUDIN HAMZAH

pada pemberita selepas menyerahkan Rumah Komuniti Ke-174 kepada seorang ibu tunggal, Wan Rosliza Wan Nawawi di Kampung Tok Has dekat sini, hari ini.

Tahun lalu mencatat sejarah dalam sistem pendidikan tinggi negara yang meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-25 hasil penarafan U21 yang diterbitkan oleh Institut Ekonomi Gunaan dan Penyelidikan Sosial Melbourne,

Universiti Melbourne, Australia.

Pencapaian itu amat dibanggakan apabila negara melonjak 11 anak tangga dalam tempoh enam tahun berbanding kedudukan ke-36 pada 2013.

Idris memberitahu, lima universiti penyelidikan negara iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Pu-

tra Malaysia turut disenaraikan dalam kalangan lapan universiti terbaik di Asia Tenggara.

“Memang hasrat dan sasaran kita untuk menjadikan UM mencapai kedudukan 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh dua tahun dan rakyat perlu diberitahu pencapaian ini untuk membuktikan bahawa sistem pendidikan negara adalah antara yang terbaik di dunia,” katanya.